

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
(TANGGA BATU)**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019

SOALAN

Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratus mengapa jangka masa untuk kelulusan status eKasih terlalu lama sehingga menjejaskan pemberian bantuan terutamanya peruntukan Mesra Rakyat.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan golongan miskin sama ada Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey* 2016. Terdapat tiga kategori status kemiskinan dalam sistem eKasih iaitu Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar.

SOALAN NO : 23

Setiap aduan, laporan atau permohonan pendaftaran eKasih akan melalui saringan awal di mana pendapatan yang melebihi PGK akan ditolak. Kemudian senarai nama yang melepasi tapisan akan dibawa untuk pengesahan Mesyuarat *Focus Group* Daerah/Negeri. Hanya senarai nama yang disahkan sahaja akan dibuat verifikasi di lapangan sebelum direkodkan di dalam Sistem eKasih. Proses verifikasi di lapangan amat penting bagi memastikan hanya isi rumah yang layak didaftarkan ke dalam Sistem eKasih dan profil isi rumah ini akan disalurkan kepada agensi pemberi bantuan untuk pemberian bantuan yang sewajarnya. Sehingga 30 September 2019 masih terdapat lebih 70,000 permohonan yang belum dan perlu dibuat verifikasi di lapangan oleh ICU JPM di seluruh negara.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 30 September 2019, seramai 652,727 Ketua Isi Rumah (KIR) telah berdaftar dengan eKasih di seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 47,256 KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 135,980 KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai 469,491 KIR adalah di bawah kategori Terkeluar.

Tuan Yang di-Pertua,

eKasih bukanlah program atau bantuan, tetapi sebaliknya merupakan pangkalan data kemiskinan yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) yang seharusnya dijadikan rujukan tunggal dan digunakan oleh kementerian/agensi baik di peringkat persekutuan, negeri bahkan daerah untuk menyalurkan bantuan melalui program pembasmian kemiskinan. Terdapat lapan kementerian utama yang terlibat dalam penyaluran bantuan melalui program-program yang dilaksanakan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Kementerian Kewangan Malaysia.